LIVEWORKSHEETS

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a) Orang yang beramal baik akan mendapat _____ manakala orang yang berbuat jahat akan mendapat **dosa**.

b) Mereka telah **bertemu** setelah _____ selama sepuluh tahun.

c) **Kutip** semula sampah yang kamu _____ dalam bilik ini.

d) Di sekolah kami, ada kelas agama yang diajar oleh seorang **ustaz** untuk murid lelaki dan seorang _____ untuk murid perempuan.

e) Ibrahim sangat **sibuk** dengan kerja yang banyak sehingga tidak mempunyai masa yang _____ untuk berehat.

[5 markah]

3. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a) Anak kucing peliharaan Fatimah **comel-** _____ belaka.

b) Pasangan itu sedang **berborak-**_____ di tepi pantai yang indah.

c) **Tumbuh-**_____ di kebun itu sangat subur.

d) Semasa sambutan hari raya, meja makan kami dipenuhi dengan berbagai macam **kuih-** _____ tradisional melayu.

e) Budak itu berlari mengelilingi taman sehingga membuatkan pakaian dan rambutnya **kusut-** _____

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

4. Pilih **IMBUHAN** yang disediakan dan tuliskan di tempat-tempat yang kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a) Pelancong dari Malaysia itu sedang _____ lawat Muzium Teknologi Brunei.
(di, me, ber)

b) Ronaldo adalah seorang _____ main bola yang terhandal di dunia.
(pe, pen, pem)

c) Ibu menyediakan bekal _____ makanan dan minuman untuk di sekolah.
(an, i, kan)

d) Tolong cari _____ buku Bahasa Melayu yang senang dibaca untuk adik.
(i, kan, lah)

e) _____ tanding _____ bola jaring dijadikan acara tahunan di sekolah.
(per-an, ber-an, di-kan)

f) Adibah _____ rupa _____ seorang murid yang pintar. (me-kan, ber-kan, me-i)

g) Beberapa ekor tikus _____ keliar _____ di kawasan pembuangan sampah.
(pe – an, ber – an, ber – kan)

h) Siti amat _____ minat _____ mata pelajaran Sains. (ter-i, ber-kan, me-i)

i) Lagu itu _____ nyanyi _____ oleh seorang seniman yang terkenal.
(di-kan, men, me-kan)

j) Daun-daun di pokok _____ gugur _____ ditiup bayu. (di-kan, ber-an, peng-an)

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

5. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a) Jutawan itu memiliki se _____ rumah yang amat besar dan cantik.



a) Petani itu menggali tanah subur dengan se _____ cangkul untuk hasil tananam.

b) Ayah membeli se _____ kasut sekolah untuk Aiman.



d) Akmal menyediakan se _____ payung kerana hujan yang terlalu lebat.

e) Rosli menghadiahkan se _____ jam tangan untuk adik perempuannya.

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

a) _____ (**perempuan**) itu diminati oleh ramai lelaki kerana rupa parasnya yang cantik. Lebih-lebih lagi, kelakuannya yang lemah lembut.

b) Pelumba itu berlari dengan _____ (**cepat**) untuk mencapai garisan penamat di perlumbaan.

c) Tolong (**simpan**) _____ beg sekolah kamu dalam almari.

d) Pokok (**kelapa**) _____ di hadapan rumahnya telah tumbang.

e) Pada waktu malam, cuaca di Brunei sedikit _____ (**dingin**) berbanding pada waktu pagi.

f) Adik saya yang berumur satu tahun belum **(fasih)** _____ berkata-kata.

g) Manusia seharusnya bersyukur kerana telah dikurniakan (**fikiran**) _____ oleh Allah berbanding dengan makhluknya yang lain.

h) Makanan emak sungguh (**enak**) _____ dan selalu dipuji oleh ayah.

i) Ibu semakin (**resah**) _____ kerana abang belum pulang lagi walaupun sudah larut malam.

j) Azman (**mengusir**) _____ anjing yang cuba menyelongkar tong sampah yang berada di hadapan rumahnya.

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

7. Isikan tempat-tempat kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan dalam petak bagi ayat-ayat di bawah ini.

namun	lagipun	semenjak itu	kemudian	di samping itu

a. Nenek Siti meninggal dunia beberapa bulan yang lalu. _____, dia sering sedih.
b. Yati menjerit meminta tolong. _____ tiada siapa mendengarnya.
c. Mula-mula masukkan ayam. _____ masukkan santan.
d. Rosli seorang yang peramah. _____, dia mudah mesra dan suka bergaul.
e. Suraya suka berbelanja di pasar raya itu kerana terdapat banyak jenis barang. _____ ianya murah.

[5 markah]

8. Tuliskan semula senarai **PERKATAAN** yang terdapat dalam petak pada ruangan yang disediakan mengikut jenisnya.

kepada	melihat	makan	membaca	terhadap
di	tidur	dari	berbicara	hingga

KATA SENDI NAMA	**KATA KERJA**
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

9. Tulis semula **PERIBAHASA** di bawah pada erti peribahasa yang sesuai.

- Orang yang tidak tahu mengenang budi.

- Mandi yang tidak bersih.

- Sentiasa bersedia terhadap sebarang kemungkinan.

- Dua orang sering bertengkar apabila bertemu.

- Cepat marah.

a. Sediakan payung sebelum hujan

_____

b. Seperti anjing dengan kucing

_____

c. Seperti kacang lupakan kulit

_____

d. Telinga nipis

_____

e. Mandi kerbau

_____

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

10. Pilih JENIS-JENIS AYAT yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Suruhan	Ayat Penyata	Ayat Larangan	Ayat Majmuk	Ayat Tanya

a. Tolong ambilkan saya secawan air.

(_____)

b. Syazwiena bersekolah di Sekolah Rendah PSB SOAS.

(_____)

c. Zakwan sangat lapar kerana dia belum makan sarapan pagi.

(_____)

d. Jangan mengambil gambar di kawasan ini.

(_____)

e. Tolong belikan saya segugus anggur.

(_____)

f. Bagaimanakah caranya kita boleh membantunya?

(_____)

g. Usahlah engkau berpura-pura baik depan aku.

(_____)

h. Hafiz adalah salah seorang guru besar di sekolah Daerah Temburong.

(_____)

i. Siapakah yang memecahkan gelas itu?

(_____)

j. Kita memerlukan vitamin kerana ia memberikan kita tenaga.

(_____)

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

12. Tuliskan semula ayat-ayat di bawah ini dengan membubuh **TANDA BACA** yang betul.

a. Saya suka makan buah rambutan durian dan cempedak.

_____

_____

b. aiman dan keluarganya pergi ke pasar gadong untuk membeli belah.

_____

_____

c. Amboi cantiknya rumah baru awak ini

_____

_____

d. Keluarkan kad pengenalan kamu, kata polis kepada Hasan.

_____

_____

e. "Mengapakah awak tidak hadir semalam tanya Maria kepada Alina.

_____

_____

[10 markah]

Jawab SATU soalan sahaja, sama ada soalan 13 ATAU soalan 14.

LIVEWORKSHEETS

13. Isikan tempat-tempat kosong dengan KATA HUBUNG yang disediakan dalam petak.

lalu	kerana	sambil	serta	oleh

a. Perlawanan itu terpaksa dibatalkan _____ hujan lebat.

b. Dermawan itu baik hati _____ peramah.

c. Soalan ujian kelayakan itu disediakan _____ Cikgu Fazlee.

d. Omar menyalin pakaian _____ terjun ke dalam kolam renang.

e. Makcik Bainun bersiar-siar di pantai _____ memimpin tangan anaknya yang berusia lima tahun,

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS